

Seksyen 2: Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956

Iklan termasuklah sebarang notis, pekelling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut atau dokumen lain dan sebarang pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan sebarang cara bagi mewujudkan atau memancarkan cahaya dan bunyi.

Contoh-contoh

Iklan di televisyen, radio, majalah, akhbar, risalah, internet, bunting, 'billboard', slot program TV, 'talk show', iklan di bas atau kenderaan awam, testimoni dan advertorial.

Mengapa iklan perlu dikawal?

- Iklan-iklan yang MENGELIRUKAN
- Iklan-iklan yang mempunyai unsur PENIPUAN
- Produk-produk TIDAK BERDAFTAR
- Indikasi yang TIDAK DILULUSKAN
- Tuntutan perubahan yang BERLEBIHAN

Jenis iklan yang perlu mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU)

Iklan Produk:

- Produk farmaseutikal dan tradisional berdaftar
- Contoh: MAL20081234X & MAL20085678T

Iklan Perkhidmatan:

- Perkhidmatan kesihatan oleh hospital/makmal/klinik swasta yang dikendalikan doktor berdaftar

Iklan-iklan yang dilarang:

A. 20 Jenis penyakit yang tidak boleh diiklankan:

- Penyakit/kerosakan buah pinggang
- Penyakit/kerosakan jantung
- Kencing manis
- Sawan
- Lumpuh
- Batuk kering
- Asma/lelah
- Kusta
- Barah
- Pekak
- Ketagihan dadah
- Hernia
- Penyakit mata
- Darah tinggi
- Sakit mental
- Kemandulan
- Frigiditi
- Lemah fungsi seks/*impotent*
- Penyakit kelamin
- Kelemahan urat saraf atau aduan kelemahan lain, timbul daripada atau berhubung dengan perhubungan seks

B. Amalan Kontrasepsi

C. Memperbaiki keadaan/fungsi buah pinggang dan jantung manusia

D. Memperbaiki fungsi/keupayaan seksual manusia

E. Pengguguran anak

Sila ambil perhatian:

- Iklan produk makanan dan kosmetik:
 - Tidak memerlukan kelulusan LIU
 - Tidak boleh mengandungi tuntutan berkaitan perubahan
- Advertorial/mesej komuniti tidak boleh dikaitkan dengan:
 - Produk farmaseutikal
 - Perkhidmatan kesihatan

Tanggungjawab Anda:

"Pastikan pengiklanan secara bertanggungjawab"

"Pastikan iklan telah mendapat kelulusan dari Lembaga Iklan Ubat dan format iklan adalah sama seperti format yang diluluskan"

Jangan keliru:

No pendaftaran produk

Contoh: (MAL 20045678T)

Diluluskan oleh:

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD)

VS


No kelulusan iklan

Contoh: (KKLIU1234/2013)

Diluluskan oleh:

Lembaga Iklan Ubat (LIU)

Proses permohonan iklan produk/perkhidmatan



Untuk garis panduan & polisi LIU yang terkini, sila layari laman web www.pharmacy.gov.my